

UNIT

1

RIANGNYA KELUARGAKU



Dengar, cam dan sebut.

Rumah Idaman

Selamat datang ke Syarikat Perumahan Warnasari Berhad. Boleh saya bantu encik sekeluarga?



Terima kasih. Kami sedang mencari rumah yang sesuai untuk kami beli.

Apakah nama syarikat itu, abang?



Saya mencadangkan supaya encik membeli rumah berkembar ini. Lokasinya di Taman Sejahtera. Rumah ini besar dan cantik. Halamannya luas. Rumah ini terletak tidak jauh dari sekolah. Terdapat juga taman permainan kanak-kanak di kawasan perumahan ini.



RUMAH BAHARU UNTUK DIJUAL



Wah, bagusnya! Inilah rumah idaman kita.

Chan Meng, sebut semula lokasi rumah yang mahu kita beli.



RUMAH BAHARU UNTUK DIJUAL



Chan Ho, nyatakan keistimewaan rumah tersebut.



Simulasi



Dengar dan mengemukakan simulasi. Mengenal pasti. Strategi yang

Ayah, keistimewaan rumah tersebut adalah besar dan cantik. Halamannya luas. Rumah ini terletak jauh dari sekolah. Terdapat juga taman permainan kanak-kanak di kawasan perumahan ini.

Taman Sejahtera adalah lokasi rumah yang mahu kita beli.

Nama syarikat tersebut ialah Syarikat Perumahan Warnasari Berhad, adik.